

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor  
2023, VOL 6, Bil 2, Halaman 61-72

## **Perkembangan Pusat Pengajian Tahfiz Swasta Pasca Pandemi Covid-19 di Malaysia: Kesan dan Persepsi Masyarakat**

### *Development of the Covid-19 Post-Pandemic Private Tahfiz Study Center in Malaysia: Public Impact and Perceptions*

**Ikmal Adnan<sup>1\*</sup>, Khairulnazrin Nasir<sup>1</sup>, Rohaidi Habil<sup>1</sup>, Rahim Kamarul Zaman<sup>2</sup> & Ismail Abd Halim<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia.

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603, Malaysia.

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), 16300, Malaysia.

\* Wan Ahmad Ikmal bin Wan Mohamed @ Adnan. Jabatan Al-Quran dan Hadis, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia, ikmal.adnan@kias.edu.my, 016-9212240, <https://orcid.org/0000-0003-1431-1670>.

#### **ABSTRACT**

*The development of tahfiz education centers in Malaysia has become an increasingly important issue in the context of religious education in the country. With the increased demand from the people who want to study the Qur'an, the centres for tahfiz studies have grown rapidly in Malaysia. However, this development also faces some problems that need to be addressed especially after the outbreak of the Covid-19 pandemic. One of the main issues is the need to provide adequate infrastructure and resources, especially for private tahfiz educational centers. In addition, there is also a need to improve the quality of teaching and learning in tahfiz studies. The objective of the study is to explore the development of a private tahfiz study center in Malaysia after the Covid-19 pandemic and to assess its perception and impact on society. The study also aims to identify problems faced by private tahfiz research centers based on community perceptions and provide suggestions for improvements to improve the situation. The study used a qualitative approach by involving interviews and observations of private tahfiz study centers in Malaysia. The study samples are selected through sampling methods aimed at obtaining a comprehensive view of the development of the tahfiz study center. Study revenues show that the impact and influence of the tahfiz study center on society is positive and needs to be maintained and preserved. Although there is a view that says there are issues and problems that occur against private study centers in particular involving management and technical, but it is a remote issue and can be solved through the unity between government and society. This underscores the importance of maintaining private tahfiz institutions in Malaysia post the Covid-19 pandemic by addressing infrastructure issues, teaching quality, and management through collaboration between the government and the community. The implications encompass strategic measures such as infrastructure enhancement, teacher training, technology integration, and the provision of adequate support.*

#### **Keywords**

*Private Tahfiz Center, al-Quran, Post pandemic, Covid-19, Perception of society.*

## ABSTRAK

Perkembangan pusat pengajian tahfiz di Malaysia telah menjadi isu yang semakin penting dalam konteks pendidikan agama di negara ini. Dengan peningkatan permintaan daripada masyarakat yang ingin mempelajari al-Quran, pusat-pusat pengajian tahfiz telah berkembang pesat di Malaysia. Namun, perkembangan ini juga menghadapi beberapa permasalahan yang perlu diselesaikan terutama selepas berlakunya pandemik Covid-19. Salah satu masalah utama adalah keperluan untuk menyediakan infrastruktur dan sumber daya yang memadai khususnya bagi pusat pengajian tahfiz swasta. Selain itu, terdapat juga keperluan untuk memperbaiki kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam pengajian tahfiz. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka perkembangan pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia pasca pandemik Covid-19 serta menilai persepsi dan kesannya terhadap masyarakat. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pusat pengajian tahfiz swasta berdasarkan persepsi masyarakat serta menyediakan cadangan penambahbaikan untuk memperbaiki keadaan ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan temu bual dan pemerhatian terhadap pusat-pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia. Sampel kajian dipilih melalui kaedah pensampelan bertujuan untuk mendapatkan pandangan yang menyeluruh mengenai perkembangan pusat pengajian tahfiz. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesan dan pengaruh pusat pengajian tahfiz terhadap masyarakat adalah positif dan perlu dikekalkan serta dijaga. Walaupun terdapat pandangan yang mengatakan terdapat isu dan masalah yang berlaku terhadap pusat pengajian tahfiz swasta khususnya yang melibatkan pengurusan dan teknikal, namun ia merupakan isu terpencil dan dapat diatasi melalui kebersamaan antara kerajaan dan masyarakat. Ini menunjukkan pentingnya pemeliharaan pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia selepas pandemik Covid-19 dengan menangani isu-isu infrastruktur, kualiti pengajaran, dan pengurusan melalui kerjasama antara kerajaan dan masyarakat. Implikasinya termasuk langkah-langkah strategik seperti peningkatan infrastruktur, latihan guru, penerapan teknologi, dan penyediaan sokongan yang mencukupi.

## Kata Kunci

*Pusat Tahfiz Swasta, al-Quran, pasca pandemik, Covid-19, persepsi masyarakat.*

## 1.0 PENDAHULUAN

Kesedaran masyarakat terhadap pendidikan dunia dan akhirat yang seimbang menjadikan ramai dalam kalangan ibu bapa menghantar anak-anak mereka untuk menyambung pengajian ke pusat pengajian tahfiz sama ada di bawah kendalian pihak swasta, negeri atau Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Menurut Azmil Hashim melalui laporan BH Online yang bertarikh 19hb April 2022, beliau mengatakan bahawa kesedaran itu juga menyebabkan terdapat ibu bapa yang tidak melakukan semakan terhadap latar belakang pusat pengajian tahfiz sehingga anak-anak mereka terdedah dengan masalah yang pelbagai. Sebagai contoh, terdapat pelajar tahfiz yang diarahkan untuk meminta derma di jalanan dan di restoran malah terdapat juga kes-kes jenayah yang melibatkan pengusaha tahfiz berlaku.

Pasca pandemik Covid-19 telah membawa satu perubahan yang besar kepada negara di seluruh dunia termasuk Malaysia. Ianya secara tidak langsung membawa perubahan kepada institusi pendidikan termasuk institusi pengajian tahfiz sama ada di bawah kelolaan kerajaan atau swasta. Di Malaysia, hasil daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan semua institusi pengajian tahfiz ditutup dalam tempoh tertentu. Manakala proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) terpaksa diadakan secara atas talian. Situasi yang berlaku dalam fasa PKP telah memberikan satu cabaran yang besar khususnya kepada institusi pengajian tahfiz swasta. Ini kerana, kaedah pembelajaran tahfiz adalah sinonim diadakan secara bersemuka antara guru dan pelajar (Ahmad Amirul Anwar, 2022).

Selain cabaran yang dihadapi melalui proses PdP, institusi pengajian tahfiz khususnya swasta juga turut terbeban dengan kos-kos yang melibatkan pengurusan dalam mempertahankan pengendalian operasi yang terjejas. Ini kerana, institusi pengajian tahfiz swasta bergantung dengan dana daripada yuran pelajar dan sumbangan pihak luar bagi memastikan operasi pengurusan dapat berjalan dengan lancar. Antara kesan pasca pandemik Covid-19 terhadap pusat pengajian tahfiz swasta adalah masalah kewangan yang menyebabkan ianya terpaksa ditutup kerana tidak berupaya menampung kos pengurusan dan pengendalian (Mohd Zalani Md Atan, 2021).

Seyogianya, situasi yang dihadapi oleh institusi pengajian tahfiz sebelum dan selepas pandemik Covid-19 adalah berbeza. Terdapat perubahan dan perkembangan yang perlu dikaji bagi mengenal pasti situasi semasa serta kesannya



kepada masyarakat di Malaysia. Sebelum pandemik Covid-19, masyarakat banyak menerima kesan yang positif dan manfaat daripada institusi pengajian tahfiz melalui kesannya terhadap aspek pembangunan masyarakat (Solahuddin Ismail, 2016).

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Pandemik Covid-19 telah memberikan kesan yang pelbagai dalam perkembangan pusat pengajian tahfiz swasta. Inisiatif pihak kerajaan yang menguatkuasakan PKP secara tidak langsung membantut usaha pihak tertentu dalam memperkasakan pengurusan pusat pengajian tahfiz swasta sama ada dari aspek pembangunan dan proses PdP. Ini kerana pusat pengajian tahfiz swasta banyak bergantung dengan yuran pelajar untuk beroperasi. Pandemik Covid-19 telah menyebabkan penurunan pendapatan pusat pengajian tahfiz akibat kurangnya pelajar yang mendaftar. Pusat pengajian tahfiz swasta juga menghadapi kesulitan dalam memperoleh dana dan sumbangan untuk menampung operasi mereka (Mohd Zalani Md Atan, 2021).

Selain itu cabaran teknologi yang dihadapi oleh pusat pengajian tahfiz swasta juga memberi kesan negatif terhadap perkembangannya. Kurangnya infrastruktur dan kemahiran digital dalam melaksanakan pengajaran jarak jauh telah menjadi satu halangan yang signifikan. Masalah internet di beberapa kawasan juga menyebabkan kesulitan dalam melaksanakan PdP dalam talian (Zulfiqar & Muhamad, 2022). Kesan terhadap masalah yang berlaku terhadap pusat pengajian tahfiz menyebabkan ianya hilang peluang pembelajaran. Kurangnya interaksi sosial dan pembelajaran praktikal dalam persekitaran pengajian tahfiz yang terhad juga menjadi satu cabaran. Selain itu, penangguhan program-program penguasaan hafazan dan tahsin al-Quran juga memberi kesan kepada kemajuan pelajar (Azihal, Nurzuliana & Hafiz, 2022).

Berdasarkan permasalahan ini, kajian mengenai perkembangan pusat pengajian tahfiz swasta pasca pandemik COVID-19 di Malaysia dapat memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang kesannya terhadap masyarakat. Walau bagaimanapun, tidak terdapat kajian khusus yang membincangkan perkembangan pusat pengajian tahfiz swasta pasca pandemik Covid-19 di Malaysia. Kajian yang ada lebih memberi tumpuan kepada kesan pandemik Covid-19 terhadap pendidikan secara umum di Malaysia. Namun berdasarkan sumber-sumber yang ada, dapat disimpulkan bahawa pandemik Covid-19 telah memberikan kesan yang signifikan terhadap pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia. Untuk memahami kesan yang lebih komprehensif terhadap masyarakat, kajian yang melibatkan pusat pengajian tahfiz swasta pasca pandemik perlu dilakukan. Kajian ini melibatkan analisis terhadap perkembangan pendidikan tahfiz, kesan terhadap masyarakat, serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki situasi.

## 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau perkembangan pusat pengajian Tahfiz swasta selepas tempoh pandemik Covid-19. Kajian yang dilaksanakan ini merangkumi perkembangan semasa pengajian tahfiz swasta di Malaysia, kesan pengajian tahfiz kepada masyarakat melalui aspek pembangunan intelektual, aspek pembangunan sahsiah dan aspek pembangunan masyarakat. Selain itu, analisis dilakukan terhadap persepsi masyarakat berkaitan perkembangan pusat pengajian tahfiz pasca pandemik Covid-19.

Dalam proses mendapatkan data, kajian ini dilakukan dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah temu bual separa struktur yang dilakukan secara bersemuka dan dalam talian. Bagi proses temu bual, terdapat seramai 10 responden dari 10 pusat pengajian tahfiz yang terdiri daripada guru dan bekas guru bagi mengenal pasti cabaran yang dihadapi. Ia melibatkan tiga buah pusat tahfiz yang masing-masing di negeri Kelantan dan Selangor serta dua buah pusat tahfiz yang masing-masing di negeri Perak dan Terengganu. Manakala bagi mengenal pasti isu berkaitan persepsi masyarakat yang berada di sekitar pusat pengajian tahfiz swasta tentang perkembangan dan kesan kepada masyarakat setempat daripada situasi pusat pengajian tahfiz swasta, penulis menemu bual 10 responden secara rawak bagi mendapatkan data yang ingin dianalisis. Selain itu, metode temu bual berstruktur diaplikasikan bagi mendapatkan data dalam bentuk kualitatif. Mengikut Idris Awang (2009) temu bual berstruktur memberikan tumpuan pada keseragaman soalan dan jawapan bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

## 4.0 PERKEMBANGAN PUSAT PENGAJIAN TAHFIZ SWASTA DI MALAYSIA

Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW hampir 1,450 tahun yang lalu sebagai panduan kepada umat manusia untuk menjalani kehidupan di dunia dengan penuh tanggungjawab, bertolak ansur, toleransi sesama insan dan yang paling utama mengenali dan mengabdikan diri kepada Allah SWT sebagai Tuhan yang Esa. Bidang hafazan al-Quran telah bermula sejak turunnya ayat yang pertama kepada Nabi Muhammad SAW. Malaikat Jibrail AS telah mengajarkan kepada Nabi SAW Iqra' sebanyak tiga kali dan dibaca kembali oleh baginda secara hafazan.

Menghafaz al-Quran merupakan amalan yang dituntut dan sangat mulia di sisi Allah SWT. Selain memastikan kesinambungan penyampaian dan pembelajaran al-Quran, adanya golongan yang menghafaz al-Quran akan menjamin agar ayat-ayat al-Quran tidak diselewengkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Ini kerana al-Quran dijaga oleh Allah SWT sejak daripada zaman Rasulullah SAW adalah melalui hafazan dan penulisan. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9;

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya:

“*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*”

Dalam konteks masyarakat Malaysia, hafazan al-Quran telah menjadi satu budaya selari dengan era bermulanya dakwah Islam di Nusantara. Para pendakwah dalam kalangan pedagang Islam telah menyebarkan dakwah kepada Islam bukan hanya dalam aspek akidah tauhid sahaja bahkan juga melalui aspek ibadah yang lain khususnya solat. Seiring itu, antara rukun bagi solat adalah membaca surah al-Fatihah. Dengan itu, menjadi satu tanggungjawab yang wajib dilakukan oleh masyarakat muslim ketika itu untuk menghafaz dan mengingati surah al-Fatihah bagi menjaga solat mereka daripada terbatal. Bermula dari itu, pengajian terhadap al-Quran yang merangkumi aspek tajwid dan bacaan secara hafazan telah menjadi satu budaya dalam kehidupan masyarakat Islam melayu. Pelbagai platform digunakan pada peringkat awal untuk mengajarkan ilmu fardu ain. Antaranya adalah melalui masjid, rumah guru, istana dan sekolah agama merangkumi pondok. Ia berlaku secara tidak formal dan berterusan sehingga merdeka. (Abdullah Jusuh, 1989)

Menurut Solahuddin Ismail (2018), berdasarkan sejarah pusat pengajian tahfiz swasta yang pertama ditubuhkan di Malaysia adalah bermula di Selangor iaitu Maahad Tahfiz wa al-Qiraat pada tahun 1981 bertempat di Jeram. Kemudiannya Madrasah al-Quran Kubang Bujuk, Terengganu pada tahun 1982. Pada peringkat permulaan, penubuhan dan pemilikan pusat pengajian tahfiz swasta adalah merupakan hak milik individu persendirian. Kebanyakannya diasaskan oleh individu yang terlibat dalam aktiviti jemaah tabligh. Perkara ini berlaku adalah kerana ramai dalam kalangan ahli jemaah tabligh ke luar negara terutamanya bagi menjalankan kegiatan dakwah dan telah terpicat dengan kaedah dan model hafazan dari negara yang mereka lawati khususnya India dan Pakistan. (Noor Hisham Md Nawawi et al., 2014)

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh JAKIM yang dikemaskini pada 22hb Ogos 2021, jumlah pusat pengajian tahfiz di Malaysia adalah sebanyak 1,225. Jumlah tersebut adalah merangkumi Maahad Tahfiz Negeri, Maahad Tahfiz Swasta (Rendah), Maahad Tahfiz Swasta (Menengah) dan Maahad Tahfiz Swasta (Rendah dan Menengah). Berikut adalah statistik pusat pengajian tahfiz swasta yang berdaftar dengan JAKIM menurut negeri;

**Jadual 1:** Statistik Pusat Tahfiz Swasta di Malaysia. (JAKIM, 2021)

Bil.	Negeri	Daftar JAKIM
1	Johor	152
2	Kedah	91
3	Kelantan	54
4	Melaka	61
5	Negeri Sembilan	54
6	Pahang	82
7	Perak	111
8	Perlis	17
9	Pulau Pinang	46
10	Sabah	38

11	Sarawak	31
12	Selangor	385
13	Terengganu	71
14	Wilayah Persekutuan KL	32
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,225 buah</b>

Melihat kepada situasi pasca pandemik Covid-19, fenomena perkembangan pusat pengajian tahfiz sedikit berbeza. Terdapat maklumat mengenai bagaimana pusat pengajian tahfiz swasta beroperasi semasa pandemik Covid-19 di Malaysia. Walau bagaimanapun, beberapa sumber menyatakan bahawa beberapa pusat tahfiz swasta terpaksa menutup operasi akibat pandemik Covid-19 (Hidayatidayu Razali, 2021).

Selain itu, terdapat juga isu dan cabaran yang timbul semasa pandemik Covid-19 yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran dalam talian, kurangnya interaksi sosial dan pembelajaran praktikal dalam persekitaran pengajian tahfiz yang terhad, penangguhan program-program penguasaan hafazan dan tahsin al-Quran, masalah pelaksanaan SOP dan dasar-dasar di institusi pendidikan, serta kesulitan dalam melaksanakan PdP dalam talian akibat kurangnya infrastruktur dan masalah internet di beberapa kawasan (Zulfiqar & Muhamad, 2022).

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia telah memberikan kesan yang negatif kepada pusat pengajian tahfiz swasta. Beberapa pusat tahfiz swasta menghadapi kesulitan dalam memperkasakan pengurusan mereka dari aspek pembangunan dan proses. Ini disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk keterbatasan pendapatan akibat bergantung pada yuran pelajar untuk beroperasi. Selain itu, pandemik Covid-19 juga telah menyebabkan beberapa pusat pengajian tahfiz swasta terpaksa ditutup akibat masalah kewangan yang teruk (Mohd Zalani Md Atan, 2021). Pusat tahfiz perlu menjadi kreatif dalam mencari pendapatan sampingan untuk mengatasi kesulitan kewangan yang dihadapi (Norazmi Anas, 2021). Kerajaan dan Jabatan Agama Islam juga digesa untuk membantu pusat tahfiz yang mengalami masalah (Ramdhan Samsudin, 2021).

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesan dan pengaruh pusat pengajian tahfiz terhadap masyarakat adalah positif dan perlu dikekalkan serta dijaga. Walaupun terdapat pandangan yang mengatakan terdapat isu dan masalah yang berlaku terhadap pusat pengajian tahfiz swasta sebelum dan selepas pandemik Covid-19 khususnya yang melibatkan pengurusan dan teknikal, namun ia merupakan isu terpencil dan dapat diatasi melalui kebersamaan antara kerajaan dan masyarakat. Bagi memperbaiki keadaan ini, cadangan penambahbaikan yang dicadangkan termasuklah peningkatan penyediaan infrastruktur, peningkatan latihan guru dan pengajar, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, serta penyediaan sokongan dan bantuan yang mencukupi kepada pusat-pusat pengajian tahfiz swasta. Dari aspek pengurusan, kesan PKP yang terpaksa dilalui ketika Covid-19 oleh Pusat Pengajian Tahfiz Swasta memberikan cabaran yang berat. Ia secara tidak langsung membantut usaha terhadap perkembangan institusi khususnya melalui aspek-aspek seperti kewangan dan pembangunan. Manakala dari aspek masyarakat sekitar, Pusat Pengajian Tahfiz Swasta masih lagi memberi kesan yang positif pembangunan sahsiah dan rohani dalam komuniti. Persepsi masyarakat terhadap institusi adalah kekal baik sebagaimana sebelum Covid-19. Walau pun pengaruh institusi dengan masyarakat selepas pandemik sedikit berkurang kerana cabaran yang terpaksa mereka hadapi. Kewujudan dan keberhasilan pusat pengajian tahfiz swasta dirasai oleh penduduk yang berada di sekitar seterusnya dapat diambil manfaat melalui kebersamaan dalam aktiviti dan program.

## 6.0 CABARAN DAN ISU PUSAT PENGAJIAN TAHFIZ SWASTA PASCA PANDEMIK

Pusat pengajian tahfiz swasta memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian dan perkembangan bidang tahfiz di Malaysia. Namun, pandemik Covid-19 telah mendatangkan cabaran yang signifikan kepada pusat pengajian tahfiz swasta di negara ini. Berdasarkan temubual yang dilakukan bersama sebahagian guru dan bekas guru, antara cabaran dan isu yang dihadapi oleh pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia pasca pandemik Covid-19 ialah melalui aspek kewangan, teknologi, keselamatan dan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Berikut adalah merupakan soalan-soalan yang ditanya kepada responden yang terlibat;

### Jadual 3: Soalan Temu Bual (Institusi Tahfiz)



No.	Soalan
S1	Apakah perbezaan yang ketara terhadap pengurusan di institusi anda sebelum dan selepas Covid-19?
S2	Bagaimanakah cabaran yang dilalui oleh institusi anda selepas pandemik?
S5	Apakah harapan anda terhadap perkembangan institusi tahfiz swasta selepas Covid-19?

### **6.1 Cabaran Dalam Aspek Kewangan**

Salah satu cabaran utama adalah kesan kewangan yang dialami oleh pusat pengajian tahfiz swasta. Pelaksanaan kawalan pergerakan dan penutupan sementara telah menyebabkan penurunan pendapatan pusat pengajian tahfiz akibat kurangnya pelajar yang mendaftar. Pusat pengajian tahfiz swasta juga menghadapi kesulitan dalam memperoleh dana dan sumbangan untuk menampung operasi mereka. Cabaran kewangan ini mempengaruhi jangka hayat pusat pengajian tahfiz swasta dan memerlukan penyelesaian yang berkesan.

Hakikatnya, masalah kewangan merupakan salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia pasca pandemik Covid-19. Antara lain yang menjadi punca banyak pusat tahfiz mengalami masalah kewangan adalah kerana ibu bapa pelajar tidak dapat membayar yuran bulanan yang ditetapkan akibat kesan daripada wabak Covid-19 dan perintah kawalan pergerakan (Abizar Sidiq, 2021). Masalah kewangan ini menyebabkan pusat pengajian tahfiz tidak mampu membayar gaji guru, bil air dan elektrik serta sewa bangunan dan urusan-urusan lain yang berkaitan pengurusan.

### **6.2 Cabaran Dalam Aspek Teknologi**

Pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia menghadapi cabaran melalui aspek teknologi yang signifikan dalam melaksanakan pengajaran jarak jauh dalam fasa pandemik Covid-19. Kurangnya infrastruktur dan kemahiran digital dalam melaksanakan pengajaran jarak jauh telah menjadi halangan utama terhadap perjalanan PdP pusat pengajian tahfiz swasta (Zulfiqar & Muhamad, 2022). Oleh itu, pusat pengajian tahfiz swasta perlu memperbaharui infrastruktur teknologi mereka dan memberikan latihan digital kepada pengajar dan pelajar untuk memastikan kecekapan dan kesinambungan pembelajaran dalam talian.

Menurut Zulfiqar & Muhammad (2022) lagi salah satu cabaran teknologi yang dihadapi oleh pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia adalah pengajaran dan pembelajaran tasmik al-Quran yang tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka sewaktu fasa pandemik Covid-19. Alternatifnya, pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara atas talian. Cabaran yang dihadapi guru adalah menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan amalan baharu yang memerlukan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara atas talian. Situasi tersebut turut memberi cabaran yang besar terhadap institusi tahfiz terutamanya kerana mereka perlu memastikan para pelajar menghantar hafalan pada setiap hari mengikut sukatan yang telah ditetapkan (Zulfiqar & Muhamad, 2022).

Dalam usaha untuk mengatasi cabaran teknologi dalam pengajaran tahfiz, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkasa pendidikan digital di Malaysia. Belanjawan 2023 memberikan peruntukan sebanyak RM55.2 bilion kepada Kementerian Pendidikan dengan peruntukan terbesar untuk pembelajaran digital (Herry. C, 2023). Selain itu, pelbagai aplikasi dan platform telah digunakan untuk memastikan pembelajaran jarak jauh berjalan dengan lancar, termasuk penggunaan platform pendidikan seperti Microsoft Teams, Google Workspace dan lain-lain (Ramdhan Samsudin, 2021). Dalam jangka masa panjang, pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia perlu memperkukuhkan infrastruktur teknologi mereka dan memberikan latihan digital kepada pengajar dan pelajar untuk memastikan kecekapan dan kesinambungan pembelajaran dalam talian. Ini termasuk memastikan akses internet yang stabil dan memadai, memperbaharui perisian dan peralatan teknologi dan memberikan latihan digital kepada pengajar dan pelajar.

### **6.3 Cabaran Dalam Aspek Kesihatan dan Keselamatan**



Pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia perlu mengatasi cabaran kesihatan dan keselamatan yang serius dalam melaksanakan pengajaran jarak jauh pada fasa pandemik Covid-19. Di peringkat awal, protokol kesihatan dan keselamatan yang ketat perlu dipatuhi untuk memastikan keselamatan pelajar dan pengajar. Pusat pengajian tahfiz swasta perlu melaksanakan langkah-langkah seperti pengukuran suhu, penjarakan sosial, penggunaan pelindung muka dan peningkatan sanitasi untuk mencegah penularan Covid-19 di persekitaran pengajian.

Keselamatan merupakan isu penting yang perlu diambil kira oleh pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia. SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu diikuti oleh pusat pengajian tahfiz swasta untuk memastikan keselamatan dan kesihatan warga mereka terpelihara. Dalam situasi ini, cabaran yang dihadapi adalah sangat memberikan kesan kerana sumber dana dalam pengurusan yang terbatas. Kebertanggungjawaban dalam menyediakan segala SOP yang telah ditetapkan sedikit sebanyak memberikan beban kepada pihak pengurusan pusat pengajian tahfiz swasta.

#### **6.4 Cabaran Dalam Aspek Pengajaran dan Pembelajaran**

Pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia juga menghadapi cabaran dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara efektif pada fasa pandemik COVID-19. Kurangnya interaksi sosial dan pembelajaran praktikal dalam persekitaran pengajian tahfiz yang terhad menjadi satu cabaran. Pelajar juga mungkin menghadapi kesukaran dalam mencapai kemajuan yang optimum dalam penguasaan hafazan dan tahsin al-Quran akibat penangguhan program-program pembelajaran. Untuk mengatasi cabaran ini, pusat pengajian tahfiz swasta perlu mencari cara kreatif bagi memenuhi keperluan pendidikan pelajar dalam persekitaran yang berubah. Salah satu cara adalah dengan memperbaharui infrastruktur teknologi mereka dan memberikan latihan digital kepada pengajar dan pelajar untuk memastikan kecekapan dan kesinambungan pembelajaran dalam talian (Audina & Amirul, 2022).

Sewaktu pasca pandemik Covid-19, pengajaran dan pembelajaran tasmik al-Quran tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka. Alternatifnya, pembelajaran tahfiz secara dalam talian mempunyai kesan yang positif dan negatif kepada kualiti dan kuantiti pembelajaran (Hussin et al., 2021). Menurut Audina & Amirul (2022), kajian menunjukkan bahawa pembelajaran tahfiz secara dalam talian dapat membuka peluang kepada semua pihak khususnya pengajar dan pelajar dalam meningkatkan tahap kemahiran Teknologi Komputer dan Maklumat (ICT). Namun, pembelajaran dalam talian juga memerlukan kemahiran teknologi yang tinggi dan akses internet yang stabil.

Hakikatnya, kaedah pembelajaran tahfiz perlu dipelbagaikan dan ditambahbaik supaya lebih berkesan dan menyeronokkan pelajar untuk menghafaz al-Quran. Kajian menunjukkan bahawa kaedah tradisional seperti talaqqi, musyafahah, tasmii' dan takrar masih mendominasi pengajaran hafazan di sekolah tahfiz. Selain itu, program-program seperti program tahsin dapat membantu meningkatkan kemahiran pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar.

### **7.0 KESAN PENGAJIAN TAHFIZ KEPADA MASYARAKAT**

Melihat kepada perkembangan pusat pengajian tahfiz di Malaysia, ia menggambarkan kepada kita suatu fenomena yang sangat positif. Situasi semasa menunjukkan bahawa pengajian tahfiz semakin menjadi pilihan dan mendapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat Islam secara khusus. Pusat pengajian tahfiz hakikatnya telah menjadi suatu pilihan alternatif kepada ibu bapa yang ingin membentuk anak mereka sebagai generasi yang beriman dan profesional. Sehubungan itu, kita dapat perhatikan bahawa sistem pengajian tahfiz menjadi sebuah fenomena baharu dalam pendidikan tanah air (Kamsaton Simon et al., 2005).

Melalui keperluan dan permintaan dalam kalangan masyarakat Islam, secara tidak langsung pengajian tahfiz memberikan suatu impak yang positif dalam pembangunan peradaban insan, khususnya masyarakat Islam di Malaysia. Umumnya terdapat beberapa tahap pengajian tahfiz yang diwujudkan di Malaysia. Bermula di peringkat rendah, menengah sehinggalah kepada peringkat IPT dalam menawarkan Pengajian Diploma dan Ijazah. Dalam topik ini, penulis akan menjelaskan keperluan dan impak pengajian tahfiz kepada kemajuan peradaban insan melalui tiga aspek iaitu pembangunan intelektual, pembangunan sahsiah dan pembangunan masyarakat. Ini kerana, kemajuan kepada sesuatu peradaban bermula dari sudut individu dan hubungannya dengan masyarakat.

#### **7.1 Aspek Pembangunan Intelektual**



Aspek pembangunan intelektual merupakan asas yang sangat penting dalam membentuk peradaban manusia, para ulama yang terdahulu merupakan individu yang genius dalam bidang masing-masing. Hasil daripada itu, peradaban Islam melalui satu garis masa keemasan disebabkan kesungguhan mereka dalam membangunkan intelektual dalam masyarakat.

Begitu juga yang berlaku kepada pengajian tahfiz. Pada peringkat permulaan, pendidikan tahfiz hanya memfokuskan kepada objektif untuk mengambil tugas menjaga kalamullah agar ianya terpelihara sepanjang zaman. Namun melalui kajian yang dilakukan, pengajian tahfiz khususnya proses menghafaz al-Quran mampu melahirkan individu yang cemerlang dari sudut akademik.

Menurut Muhaidi (2010), hafazan al-Quran mempunyai peranan yang besar dalam membentuk kecemerlangan dalam pendidikan akademik seseorang pelajar. Kebiasaannya, pelajar yang cemerlang dan mampu menghafaz serta mengingati al-Quran mempunyai daya intelektual yang tinggi dan dapat membantu untuk cemerlang dalam pengajian mereka khususnya di peringkat menengah. Kajian tersebut turut disokong oleh Anis Syahirah Fauzan (2017) melalui artikel beliau berkaitan Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. Secara umumnya, kepentingan menggabungkan ilmu al-Quran dan pengajian akademik merupakan suatu perkara yang menjadi dasar kepada banyak pusat pengajian tahfiz. Kesan seseorang yang menghafaz al-Quran sangat dirasai dan mampu diterjemahkan melalui pencapaian akademik yang cemerlang. Kajian tersebut membuktikan bahawa kesan hafazan al-Quran telah menyumbang sebanyak 37,8% varian dalam kecemerlangan akademik pelajar.

Selain dua kajian yang telah dinyatakan di atas, terdapat beberapa kajian lagi yang dilakukan bagi menilai kaitan hafazan dalam aspek intelektual. Semua itu membuktikan bahawa pengajian tahfiz adalah merupakan satu keperluan dalam masyarakat serta mampu memberikan impak positif dalam membentuk peradaban insan melalui aspek intelektual bagi melahirkan masyarakat yang cerdas dan bijak.

## 7.2 Aspek Pembangunan Sahsiah

Selain aspek intelektual, keperluan dan impak pengajian tahfiz kepada kemajuan peradaban manusia juga berlaku dalam aspek pembangunan sahsiah. Pembangunan sahsiah ialah merupakan suatu aspek perubahan perbuatan dan sikap yang dialami oleh individu dalam membentuk satu kebiasaan yang bertanggungjawab dan baik. Sehubungan itu, dalam membentuk masyarakat muslim yang baik melalui gaya hidup berlandaskan Bi'ah Solehah, pembangunan sahsiah dalam diri seseorang individu perlu dibentuk. Dalam konteks pengajian tahfiz, ia dibuktikan melalui pengaruh masyarakat yang melihat bahawa kurikulum pusat pengajian tahfiz secara umumnya mampu untuk membina sahsiah yang baik dalam diri seseorang pelajar.

Melalui sisi pandang pendidikan Islam, sahsiah adalah merujuk kepada akhlak seseorang individu terhadap Allah SWT, diri sendiri, isteri, anak-anak, masyarakat dan alam secara keseluruhannya yang diperlihatkan ketika berlaku hubungan antara dua belah pihak. Imam al-Nawawi menyebut bahawa sahsiah terdiri daripada lapan sudut pembinaan akhlak iaitu pembangunan akhlak kepada Tuhan, pembangunan akhlak sesama manusia, kehidupan sosial, adab, ibadat, jihad, ilmu dan pengetahuan agama (Kamarul Azmi, 2002). Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1994), beliau mengatakan sahsiah terdiri daripada empat perkara iaitu akidah, ibadah, akhlak dan penampilan. Kesemua unsur tersebut telah mengaitkan sahsiah dengan aspek kerohanian atau dalaman manusia. Ia boleh dilihat melalui tingkah laku luaran individu.

Menurut Sh. Noorhidayah Syed Aziz (2022), terdapat empat faktor utama pembentukan sahsiah khususnya bagi pelajar yang mengikuti bidang pengajian tahfiz. Yang pertama adalah sokongan komunikasi daripada ibu bapa. Pelajar tahfiz kebiasaannya akan sentiasa mendapat dorongan yang positif daripada kedua ibu bapa mereka dalam pengajian tahfiz. Ini kerana ibu bapa secara umumnya memahami bahawa cabaran dalam menghafaz al-Quran adalah bukan suatu tugas yang mudah bagi anak-anak mereka. Yang kedua adalah penglibatan dalam aktiviti keagamaan. Pusat pengajian tahfiz secara asasnya banyak mengadakan aktiviti dan program yang berbentuk kerohanian. Program-program tersebut disusun bagi melatih pelajar lebih minat kepada aktiviti keagamaan seperti solat berjemaah, puasa sunat, bacaan al-Quran berhalaqah secara mingguan, program tazkirah dan lain-lain. Melalui program seumpama itu, ia mampu membentuk sahsiah pelajar ke arah yang lebih baik.

Selain itu, bimbingan guru juga menjadi pendorong dan mampu mempengaruhi sahsiah pelajar di pengajian tahfiz. Secara umum, hubungan pelajar dan guru di pusat pengajian tahfiz sedikit berbeza. Ini kerana hubungan yang rapat berlaku dalam pengajian tahfiz kerana pelajar sentiasa perlu merujuk guru dalam melaksanakan proses hafazan al-Quran. Ini merujuk kepada proses memperdengarkan bacaan al-Quran (Tasmik) dan murajaah yang berlaku setiap



hari. Melalui hubungan yang rapat antara guru dan pelajar serta bimbingan yang diberikan, ianya mampu membentuk sahsiah yang baik dalam kalangan pelajar tahfiz. Manakala faktor yang terakhir adalah pengaruh persekitaran. Persekitaran yang dikelilingi rakan yang positif, suasana tenang dengan bacaan al-Quran mampu mempengaruhi emosi serta tindakan pelajar. Pengajian tahfiz biasa dikaitkan dengan mengamalkan Bi'ah Solehah dalam suasana kehidupan seharian. Tidak kira dalam kelas pengajian, ketika bersukan mahu pun ketika melakukan aktiviti-aktiviti harian (Sh. Noorhidayah Syed Aziz, 2022).

### 7.3 Aspek Pembangunan Masyarakat

Keperluan dan impak yang paling penting dimainkan oleh pengajian tahfiz adalah melalui aspek pembangunan kepada masyarakat. Kewujudan pengajian tahfiz telah berjaya direalisasikan pada tahun 1966 apabila diwujudkan Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat di bawah seliaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Ia dianggap sebagai usaha dan asas yang rasmi bagi pembangunan masyarakat Islam di Malaysia dalam mempertingkatkan kualiti pembacaan dan pengajian al-Quran (Nordin Ahmad, 2015).

Menurut Solahuddin Ismail (2016), golongan penghafaz al-Quran di Malaysia adalah merupakan aset yang sangat besar untuk digunakan sebagai manfaat bagi melaksanakan dakwah kepada masyarakat. Prospek golongan huffaz ini adalah sangat luas dan berpotensi tinggi jika diurus dengan teratur dan baik. Kesedaran masyarakat Islam menjadikan pusat pengajian tahfiz dalam negara Malaysia khususnya berkembang pesat bagi menampung permintaan masyarakat yang tinggi. Pendidikan tahfiz di Malaysia yang pelbagai dan setanding dengan pendidikan arus perdana secara tidak langsung menjadi alternatif kepada masyarakat untuk membuat pilihan.

Pengajian tahfiz secara tidak langsung memberikan kesan yang baik kepada masyarakat sekitar yang dapat mengambil manfaat daripada pelajar-pelajar di pusat pengajian tahfiz tersebut. Berdasarkan kepada tiga aspek pembangunan yang dikemukakan, membuktikan bahawa impak dan kesan pengajian tahfiz kepada kemajuan peradaban insan adalah signifikan dan menunjukkan bahawa kewujudan pengajian tahfiz adalah merupakan satu perkara yang memberi kebaikan kepada pembentukan masyarakat Islam. Namun, di sana terdapat cabaran yang bersifat teknikal perlu dihadapi oleh pusat pengajian tahfiz bagi mengekalkan pengaruh dan kesesuaiannya. Isu-isu permasalahan yang sering dibangkitkan berkaitan kurikulum yang tidak seragam, sijil yang tiada pengiktirafan, graduan yang tidak berkemahiran perlu diambil perhatian walau pun ia bukanlah merupakan isu pokok yang utama. Cabaran tersebut tidak boleh dianggap remeh oleh pusat pengajian tahfiz. Ianya perlu diperhalusi dengan penambahbaikan dan pembaharuan yang bersesuaian (Solahuddin Ismail, 2016).

## 8.0 PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP PUSAT PENGAJIAN TAHFIZ SWASTA

Bagi membicarakan berkaitan persepsi masyarakat yang berada di sekitar pusat pengajian tahfiz tentang persepsi dan kesan kepada masyarakat setempat daripada situasi pusat pengajian tahfiz pasca pandemik, penulis telah menemu bual 10 responden secara rawak bagi mendapatkan data yang ingin dianalisis. Selain itu, metode temu bual berstruktur diaplikasikan bagi mendapatkan data dalam bentuk kualitatif. Soalan telah dirangka terlebih dahulu sebelum proses temu bual dilaksanakan. Berikut adalah merupakan soalan-soalan yang ditanya kepada kesemua responden;

**Jadual 3:** Soalan Temu Bual (Masyarakat)

No.	Soalan
S1	Adakah anda tahu tentang pusat pengajian tahfiz yang paling dekat di kawasan ini?
S2	Adakah anda mengenali pengasas dan tenaga pengajar di pusat tahfiz tersebut?
S3	Bolehkah anda ceritakan keterlibatan pusat tahfiz tersebut dengan aktiviti masyarakat setempat sebelum dan selepas pandemik Covid-19?
S4	Bagaimanakah persepsi anda melihat pelajar-pelajar di pusat tahfiz tersebut?
S5	Adakah anda mempunyai pengalaman yang berbeza sebelum dan selepas pandemik Covid-19 terhadap pusat pengajian tahfiz swasta?

Kajian berkaitan persepsi masyarakat terhadap perkembangan pusat pengajian tahfiz pasca pandemik Covid-19 ini telah dilakukan di negeri Kelantan. Sesi temu bual dilakukan secara tidak langsung bersama responden yang



dipilih dalam kalangan jemaah masjid sekitar daerah Kota Bharu, Machang dan Pasir Mas. Negeri Kelantan adalah sebuah negeri yang mempunyai banyak pusat pengajian tahfiz swasta sama ada yang berdaftar mahu pun yang belum didaftar.

Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima melalui proses temu bual yang dijalankan, penulis merumuskan bahawa secara umum kesemua responden cakna dan mengambil berat berkaitan pusat pengajian tahfiz yang ada di sekitar mereka. Berdasarkan soalan yang pertama, kesemua mereka mengetahui kewujudan dan keberadaan pusat pengajian tahfiz yang terdekat. Antara aspek yang menyebabkan ianya dikenali oleh masyarakat sekitar adalah kerana penubuhan kebanyakan pusat pengajian tahfiz yang ada sentiasa diuar-uarkan kewujudannya di masjid-masjid. Selain itu, keterlibatan tenaga pengajar dan pelajar-pelajar pusat pengajian tahfiz dalam aktiviti bersama masyarakat sekitar seperti imam terawih, majlis tahlil dan program bersama penduduk kampung juga memainkan peranan yang besar dalam memperkenalkannya kepada masyarakat sekitar.

Bagi persoalan kedua berkaitan pengasas dan tenaga pengajar, sebanyak 70% iaitu mewakili enam responden mengenali pengasas pusat pengajian tahfiz dan guru yang mengajar, manakala 30% yang lain kurang mengenali. Ini menunjukkan bahawa keterlibatan pihak pentadbiran dan guru dengan masyarakat adalah baik. Ini kerana tiga responden yang kurang mengenali pengasas dan guru yang terlibat dengan pusat pengajian tahfiz berhampiran mereka, adalah tergolong dalam kalangan pemuda dan kurang terlibat dengan aktiviti yang diadakan di kampung melalui surau, masjid dan pusat pengajian tahfiz itu sendiri.

Merujuk kepada persoalan ketiga berkaitan keterlibatan pusat pengajian tahfiz dalam aktiviti bersama masyarakat sekitar sebelum dan selepas pandemik Covid-19 melanda Malaysia, kesemua responden memberikan maklum balas yang hampir sama. Pusat pengajian tahfiz yang berhampiran responden hakikatnya telah berjaya memainkan peranan yang baik dalam melibatkan tenaga pengajar, pelajar dengan masyarakat setempat. Sebelum berlaku pandemik Covid-19, aktiviti yang berlaku secara rasmi di masjid adalah seperti kuliah maghrib atau kuliah khas yang melibatkan tenaga pengajar pusat pengajian tahfiz dan majlis bacaan yasin dan tahlil yang melibatkan pelajar-pelajar. Selain itu, pelajar juga ditugaskan menjadi imam terawih di masjid. Manakala bagi aktiviti tidak rasmi, pelajar-pelajar juga sentiasa dijemput untuk majlis tahlil dan bacaan al-Quran di majlis bersama masyarakat sekitar. Namun begitu, pasca pandemik Covid-19 menunjukkan penurunan terhadap kerancakan aktiviti kemasyarakatan yang berlaku antara pusat pengajian tahfiz dan masyarakat setempat. Antara punca yang paling utama adalah kerana ketiadaan pelajar yang ramai di pusat pengajian tahfiz. Selain itu, kebanyakan guru-guru yang terlibat adalah merupakan lantikan baharu dan akan mengambil masa untuk menjalinkan hubungan yang erat dengan masyarakat.

Berdasarkan respon kepada persoalan keempat, semua responden bersetuju bahawa pelajar-pelajar pusat pengajian tahfiz swasta yang ada menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat sekitar. Mereka tidak pernah mendengar tentang masalah sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar terbabit. Manakala bagi persoalan terakhir semua responden menggambarkan bahawa pusat pengajian tahfiz swasta memerlukan masa untuk berfungsi sebagaimana sebelum pandemik Covid-19. Berdasarkan maklum balas kesemua responden, pengalaman yang mereka lalui bersama pusat pengajian tahfiz swasta sebelum dan selepas pandemik mempunyai sedikit perbezaan yang tidak ketara. Selepas berakhirnya arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan, pusat pengajian tahfiz swasta seakan memerlukan strategi baharu untuk kembali berperanan dalam masyarakat setempat dan ianya sentiasa mendapat kerjasama dalam kalangan penduduk dan ahli jawatankuasa masjid dan surau. Ini membuktikan bahawa masyarakat setempat menerima dan memahami situasi yang berlaku terhadap pusat pengajian tahfiz swasta dengan baik dan menaruh harapan tinggi bahawa ianya mampu melahirkan pelajar Hafiz al-Quran dan mempunyai akhlak yang baik serta cemerlang dalam akademik.

Kesimpulan umum yang boleh dirumuskan berdasarkan maklum balas daripada kesemua responden adalah pusat pengajian tahfiz swasta telah berjaya memberikan impak yang baik kepada masyarakat setempat sebelum pandemik Covid-19. Manakala selepas pandemik, ianya sedikit berkurangan kerana cabaran yang terpaksa mereka hadapi. Kewujudan dan keberhasilan pusat pengajian tahfiz swasta dirasai oleh penduduk yang berada di sekitar seterusnya dapat diambil manfaat melalui kebersamaan dalam aktiviti dan program.

## 9.0 KESIMPULAN

Sebagai penutup dan kesimpulan umum terhadap kajian yang dilaksanakan ini, penulis berpandangan bahawa perkembangan semasa pengajian tahfiz swasta dan persendirian di Malaysia berkembang dengan sangat pesat sebelum pandemik Covid-19. Namun melalui cabaran yang terpaksa dihadapi pada masa pandemik, terdapat pusat pengajian



tahfiz swasta yang terpaksa ditutup. Berdasarkan data yang dikemukakan oleh pihak JAKIM, terdapat sebanyak 1,225 buah pusat pengajian tahfiz swasta yang direkodkan sehingga tahun 2021. Jumlah tersebut bagaimana pun tidak mengambil kira pusat yang tidak didaftarkan dan pusat yang baharu dibina.

Walau pun jumlah pusat pengajian tahfiz boleh dianggap banyak, namun keperluan terhadap aliran ini sentiasa menarik minat masyarakat Islam di Malaysia. Kesan dan pengaruh pusat pengajian tahfiz terhadap masyarakat yang positif perlu dikekalkan dan dijaga. Walau terdapat pandangan yang mengatakan terdapat isu dan masalah yang berlaku terhadap pusat pengajian tahfiz swasta khususnya yang melibatkan pengurusan dan teknikal, namun ia merupakan isu terencil dan dapat diatasi melalui kebersamaan antara kerajaan dan masyarakat.

Terdapat kajian yang telah dilakukan terhadap pusat pengajian tahfiz pasca pandemik Covid-19 khususnya yang memberikan penekanan terhadap proses pembelajaran termasuk penggunaan teknologi dalam proses PdP. Hakikatnya, cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pusat pengajian tahfiz swasta pada masa pandemik memberikan nilai tambah terhadap proses dan penekanan pihak pentadbiran untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan kewangan, keselamatan, penerapan teknologi dan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Tahfiz yang berkesan. Sekiranya ia dapat diselaraskan dan diseragamkan kepada model yang khusus, ia merupakan sesuatu yang sangat baik. Penyediaan sokongan dan bantuan yang mencukupi kepada pusat-pusat pengajian tahfiz swasta oleh kerajaan sangat perlu diambil perhatian, kerana ianya akan menjamin modal insan yang baik dan berperanan mempertingkatkan sahsiah dalam kalangan masyarakat.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Jusuh. (1989). *Pengenalan tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abizar Sidiq. (2021). Masalah kewangan kebanyakan Maahad Tahfiz semakin meruncing. Retrieved July 1, 2023, from mykmu.net website: <https://mykmu.net/2021/08/30/masalah-kewangan-kebanyakan-maahad-tahfiz-semakin-meruncing/>
- Amin, Khairol. (2018). Memperkasa Generasi Hafaz Al Quran. Retrieved July 1, 2023, from Academia.edu website: [https://www.academia.edu/36310663/memperkasa\\_generasi\\_hafaz\\_al\\_quran](https://www.academia.edu/36310663/memperkasa_generasi_hafaz_al_quran)
- Anis Syahirah Fauzan & Sabri Mohamad (2017). Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal al-Turath*, UKM, 54-59.
- Herry, C. (2023). Pembelajaran Jarak Jauh. Retrieved July 1, 2023, from AR Edutech website: <https://aredutech.com/pembelajaran-jarak-jauh/>
- Hidayatidayu Razali. (2021). Isu maahad tahfiz swasta dibincang dengan Perdana Menteri. Retrieved July 13, 2023, from Berita Harian website: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/860109/isu-maahad-tahfiz-swasta-dibincang-dengan-perdana-menteri>
- Hussin, H., Abdul Rahim Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, & Noor. (2021). Medium Pdpr Hafazan Al-Quran Semasa Covid-19: Analisis Penggunaan Teknologi Di Kalangan Pelajar Di Universiti Awan Dan Swasta. *usim.edu.my*. <https://doi.org/2811-3411>
- JAKIM. (2021). data.gov.my. Retrieved from Senarai Tahfiz di Malaysia: [https://www.data.gov.my/data/dataset/a839fb70-12b9-4810-b539-df1822f88b0f/resource/3adcdb53-eb4f-4fb0-aa82-ddeeba893f60/download/m-20210818105735\\_202108181057350\\_tahfiz-compiled.csv](https://www.data.gov.my/data/dataset/a839fb70-12b9-4810-b539-df1822f88b0f/resource/3adcdb53-eb4f-4fb0-aa82-ddeeba893f60/download/m-20210818105735_202108181057350_tahfiz-compiled.csv)
- Kamsaton Simon et al. (2005). *Kepentingan Pengajian Tahfiz al-Quran Terhadap Masyarakat Pada Masa Kini*. Skudai: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS).
- Muhaidi Hj. Mustaffa. (2010). *Hafalan al-Quran dan Hubungannya Dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Pulau Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007*. (Latihan Ilmiah Sarjana Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).
- Noor Hisham Md Nawawi et al. (2014). Matlamat dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan; Satu Pengamatan Awal. *4th International Conference and Exhibition on Islamic Education*. Kota Bharu.
- Norazmi Anas. (2021). Pusat tahfiz perlu kreatif jana pendapatan sampingan. Retrieved July 1, 2023, from Berita Harian website: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2021/09/858429/pusat-tahfiz-perlu-kreatif-jana-pendapatan-sampingan>

- Nordin Ahmad. (2015). Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabatkan Pendidikan Tahfiz di Malaysia. *Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)*. Bangi.: Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Azihal Bangsawan, Zetty Nurzuliana Rashed & Muhammad Hafiz Salleh. (2022). Pelaksanaan Amalan Pembelajaran Tahfiz di Institusi Tahfiz Sabah. *Jurnal Pengajian Islam, Vol. 15, Special Edition No. 1*, 1-15.
- Ramdhan Samsudin. (2021). i-Guru gesa kerajaan, jabatan agama bantu pusat tahfiz. Retrieved July 1, 2023, from Utusan Malaysia website: <https://www.utusan.com.my/pendidikan/2021/08/i-guru-gesa-kerajaan-jabatan-agama-bantu-pusat-tahfiz/>
- Sh. Noorhidayah Syed Aziz, Khairul Anwar Mastor & Hasnan Kasan (2022). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz. *Jurnal Pengajian Islam*, 259-271.
- Solahuddin Ismail. (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. *Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)*. Bangi: Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Solahuddin Ismail. (2018). Sejarah perkembangan dan status terkini pengajian tahfiz di Malaysia: manhaj dan model. *Muzakarah Institusi Tahfiz Negara*. Kompleks Dakwah Darul Murtadha Sungai Petani Kedah: Unpublished.
- Zulfiqar, A., & Muhamad. (2022). Isu dan cabaran pengelolaan kelas pengajian Tahfiz al-Quran secara dalam talian (Online ) di institusi tahfiz swasta dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) - *UKM Journal Article Repository*. [Journalarticle.ukm.my. http://journalarticle.ukm.my/19618/1/223-409-1-SM.pdf](http://journalarticle.ukm.my/19618/1/223-409-1-SM.pdf)